


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Kerajaan tak abai kebajikan M40 - Anwar



GOLONGAN M40 tetap tidak diabaikan oleh kerajaan dalam pembangunan negara. - GAMBAR HIASAN

Kerajaan tak abai kebajikan M40 – Anwar

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah mengabaikan kebajikan golongan M40, sekali gus menafikan andaian kononnya tumpuan lebih berfokus kepada B40.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, beberapa pihak menegurnya berhubung pendekatan dilaksanakan kerajaan dikatakan lebih tertumpu kepada B40 serta mengabaikan kumpulan pendapatan M40.

“Ada yang tegur bahawa pendekatan kita terlalu banyak untuk B40 dan abaikan M40. Tetapi andaian hanya kepada B40 ini tidak betul kerana kita tengok sekolah menengah sains atau MRSM (Maktab Rendah Sains Mara) termasuk Kolej

Melayu dan lain-lain, manfaat kepada golongan paling miskin sangat kecil.

“Tak sampai pun satu atau dua peratus. Sebab itu, saya usulkan kepada Menteri Pendidikan baru-baru ini menyatakan bahawa sama ada sekolah khas dicadangkan atau tidak pun mesti diperuntukkan satu hingga lima peratus sahaja bagi yang benar-benar miskin. Kalau tidak kesenjangan itu akan terus berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Jalinan Kerjasama iTEKAD di sini semalam.

Mengenai meritokrasi pula, Anwar berkata, sistem itu hanya berkepentingan kepada golongan elit dan yang berkemampuan sahaja.